

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Tilong, Adi D.
Air putih terapi kesihatan yang mujarab
Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2014.
172ms.
ISBN 978-967-448-006-6

ULASAN

Buku ini sangat berguna kerana mengandungi huraian yang mendalam tentang sifat-sifat air. Air bukan hanya sekadar dijadikan minuman semasa kehausan atau selepas makan. Air juga bukan sekadar cairan tetapi merupakan sejenis zat atau sumber utama mineral untuk kehidupan manusia, selain haiwan dan tumbuhan. Air sangat diperlukan oleh tubuh sebagai nutrisi yang diperlukan untuk kesihatan dan keutuhan sel dalam badan.

Penulis juga memberi penekanan tentang kepentingan air dalam tubuh manusia agar dapat membentuk sel-sel baru, memelihara dan menggantikan sel-sel yang rosak. Selain itu, air juga berperanan melarutkan dan membekalkan nutrisi, oksigen dan hormon ke seluruh tubuh manusia, melarutkan dan mengeluarkan toksik dari dalam tubuh. Air juga bertindak sebagai pemangkin tubuh yang sihat, menstabilkan suhu badan dan mematahkan pertembungan bagi organ vital di dalam tubuh. Selain itu, air

putih mempunyai banyak manfaat jika diambil secara betul, dalam maksud tidak kurang dan juga tidak lebih. Ini kerana manfaat air putih yang dapat kita rasakan secara langsung bagi tubuh adalah sebagai penghilang rasa dahaga.

Selain oksigen atau udara dan makanan, tubuh juga memerlukan air untuk mengangkut zat-zat gizi ke seluruh tubuh. Pengambilan air secara teratur dan mencukupi juga dapat meningkatkan fungsi hormon, memperbaiki kemampuan hati untuk memecah dan melepaskan lemak serta mengurangi rasa lapar.

Menurut penulis juga organ-organ tubuh yang paling tinggi kandungan airnya ialah darah dan otak yang mengandungi hingga 90% dan 95% cairan. Begitu besarnya peranan air dalam tubuh manusia hingga kadangkala air dimasukkan sebagai zat gizi keenam setelah karbohidrat, protein, lemak, vitamin dan mineral.

Buku ini turut menyentuh tentang risiko dan masalah kesihatan yang akan dihadapi sekiranya kekurangan air dalam tubuh manusia. Ini kerana tubuh manusia memerlukan antara satu sampai tujuh liter air setiap hari untuk menghindari dehidrasi. Namun jumlah sebenarnya air yang perlu diminum bergantung pada tahap aktiviti, suhu, kelembapan dan beberapa faktor lainnya.

Buku ini turut memaparkan rahsia kajian dan penelitian yang dilakukan oleh seorang ilmuan Jepun, Dr. Masaru Emoto yang menyatakan bahawa air juga ‘hidup’ dan dapat memberikan tindak balas yang positif ataupun negatif terhadap manusia. Kajian ini menyokong pengubatan alternatif menggunakan air. Air yang diberi tindak balas positif termasuk doa, akan menghasilkan bentuk kristal ais berbentuk heksagonal yang indah dan dapat memberikan kesembuhan pada penyakit-penyakit yang berat sekalipun. Penemuan ini turut memberi pengalaman baru dan menakjubkan bagi khalayak, dalam membuktikan bahawa air ternyata hidup dan dapat bertindak balas terhadap apa yang disampaikan oleh manusia.

Di samping itu, penulis turut menghuraikan tentang terapi air yang diamalkan oleh nenek moyang terdahulu dalam menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Ini adalah berdasarkan hasil penemuan oleh peneliti Jepun bahawa terapi air putih ini dapat

mengatasi beberapa gangguan kesihatan seperti sembelit, kencing manis, sakit kepala, gangguan ginjal, radang sendi, gangguan telinga, hidung dan kerongkong. Bagi melakukan terapi juga tidak susah, bahkan dapat dilakukan sendiri. Semua pakar kesihatan sependapat bahawa terapi air dengan meminum air sangat baik untuk kesihatan dan untuk mencegah tubuh dari kekurangan air. Selain itu, dengan meminum air secara rutin dan konsisten dikatakan akan memberikan penampilan awet muda.


Adalah diharapkan buku ini dapat memberi panduan kepada pembaca agar lebih memahami keistimewaan dan khasiat air. Air ternyata mempunyai manfaat yang tidak kurang mujarabnya dari ubat-ubat mahal dalam menyembuhkan penyakit. Saranan penulis tentang pengambilan air dalam jumlah yang cukup setiap hari perlu diberi perhatian untuk melancarkan sistem pencernaan. Persembahan beserta ilustrasi yang menarik dan penggunaan bahasa yang mudah difahami memberi nilai tambah kepada buku ini.

Pengulas:

Nurhafiza Jalil
Penolong Pengarah
Bahagian Sumber Elektronik
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Widyastuti, Alida
Aneka herba ajaib merawat kanser pada wanita. Ed.
bahasa Melayu
Batu Caves, Selangor : Ar-risalah Product, 2014.
268ms.
ISBN 978-967-0268-95-8

ULASAN

Buku ini dialih bahasa dari bahasa Indonesia oleh Nur Thairah Syamsuddin. Edisi bahasa Melayu diterbitkan semula oleh Ar-risalah Product Sdn.Bhd. pada tahun 2014. Buku ini mengandungi maklumat tentang penyakit kanser di kalangan wanita dan apa yang ingin dikongsikan oleh penulis dalam buku ini adalah rawatan dan penyembuhan penyakit ini secara semulajadi menggunakan tanaman herba.

Buku ini mempunyai 268 halaman bercetak dan digarapkan dalam tiga bahagian. Penulis memaparkan jenis-jenis penyakit kanser yang dihidapi oleh wanita, memfokuskan kepada tanaman yang boleh merawat kanser dan tips berkaitan kanser pada wanita.

Ramai yang sedia maklum bahawa kanser atau barah merupakan ancaman terbesar bagi penduduk dunia. Tidak kira lelaki atau wanita, bangsa, atau warna kulit semua gerun apabila membicarakan hal kanser apatah lagi jika menghidap penyakit ini. Antara

kanser yang mengancam nyawa kaum wanita ialah kanser payudara, kanser serviks (pangkal rahim), kanser rahim, kanser ovari, kanser vulva, kanser vagina dan endometriosis. Penulis turut memberikan penerangan tentang jenis penyakit kanser yang sering dihidapi dan bagaimana khasiat herba pilihan yang boleh dijadikan terapi semulajadi sebagai salah satu cara rawatan penyakit pembunuh nombor satu wanita ini.

Melalui buku ini penulis mendedahkan hasil kajian beliau selama tiga tahun terhadap penulisan terdahulu dan carian internet daripada laman sesawang pakar perubatan moden dan tradisional mengenai khasiat herba-herba menjadikan naskhah ini penuh dengan ilmu berkaitan dengan pencegahan kanser.

Antara herba tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat Malaysia sejak turun temurun ini ialah bawang merah, benalu belimbing, bidara upas, brokoli, buah delima, buah zaitun, cakar ayam, halia, jintan, peria, betik dan sebagainya. Terdapat 40 jenis herba terpilih yang dihuraikan dalam buku ini. Khasiat herba-herba ini telah dibuat kajian oleh pengkaji yang bertauliah. Maklumat mengenai herba-herba yang terpilih yang terkandung dalam naskhah ini adalah lengkap dan mudah dijadikan rujukan kepada pembaca dan pengkaji seterusnya.

Buku ini amat berguna untuk mereka yang berminat mengenali tumbuhan herba namun tidak berpeluang melihat sendiri disebabkan tumbuhan herba ini jarang dijumpai pada hari ini. Maklumat seperti nama herba, huriaian tanaman, manfaat dan kebaikan serta ilustrasi yang disertakan dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada pembaca.

Penggunaan bahasa yang mudah difahami, ringkas dan jelas dalam penyampaiannya menyebabkan buku ini sesuai untuk dibaca oleh golongan remaja dan dewasa khususnya wanita yang ingin mengetahui lebih mendalam tentang penyakit kanser.

Pengulas:

Norhamiza Mohamad Hanopiah

Penolong Pengarah

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Mohd Safuan Abd Rahman
Buat duit dengan hartanah
Shah Alam : Mohd Safuan bin Abd rahman, 2014.
132ms.
ISBN 978-967-12463-2-0

ULASAN

Ramai yang tidak sedar bahawa bidang perniagaan dan harta adalah 'lubuk emas' yang telah menjana kekayaan ramai jutawan di seluruh dunia. Nama-nama seperti Donald Trump, Thomas & Raymond Kwok and Family, Donald Bren, Abigail Johnson, Azizi Ali merupakan pelopor kepada perniagaan harta. Buku *Buat Duit Dengan Hartanah* merupakan sebuah karya perkongsian pengalaman yang ditulis oleh seorang pelabur harta anak tempatan yang telah berjaya menjana pendapatan yang lumayan dalam usia muda. Buku ini memberikan panduan yang lengkap untuk menjana pendapatan melalui bidang harta yang penuh inspirasi bagaimana seseorang boleh melakukan pelaburan harta dari pasaran lelongan dan menjana keuntungan berlipat ganda.

Penulis menceritakan beliau bermula selepas menamatkan pelajarannya di peringkat ijazah dalam bidang harta pada tahun 2009 di Universiti Teknologi Petronas (UTP). Beliau mula berkecimpung dalam bidang harta dengan membeli sebuah rumah flat

kos rendah yang terletak di Masai, Pasir gudang Johor yang dilelong. Sungguhpun pembelian tersebut bukanlah satu pencapaian yang besar bagi penulis, namun ia merupakan titik permulaan untuk beliau aktif dalam bidang hartanah.

Buku ini juga sarat dengan tip serta panduan langkah demi langkah membeli rumah lelong yang menguntungkan dan nasihat serta peranan mentor sebagai tulang belakang bagi membantu melihat potensi nilai pasaran sesebuah hartanah. Penulis turut berkongsi pengalaman beliau dalam mengatasi krisis kewangan yang melanda perniagaan keluarga pada tahun 2009. Beliau bernasib baik kerana dapat berkongsi masalah dengan seorang mentor di alam maya yang memberikan beliau kefahaman tentang aset dan liabiliti dalam perniagaan.

Di dalam buku ini turut dikupas mengenai hartanah berbentuk sublet, hartanah lelong, hartanah subsale, hartanah dalam pembinaan dan flip sewa dan jual. Penerangan mengenai perkara-perkara tersebut diberi secara ringkas namun mudah difahami kerana disertakan contoh-contoh bagi memudahkan pembaca memahami istilah-istilah dalam bidang hartanah. Penulis lebih menjurus kepada hartanah berbentuk sublet kerana merupakan satu bentuk pelaburan hartanah yang mudah dan mempunyai kelebihan yang tidak diketahui ramai. Sublet merupakan salah satu cara mendapat keuntungan dengan hartanah namun tanpa membeli hartanah tersebut. Selain itu juga, penulis turut berkongsikan kaedah mendapatkan pinjaman yang kalis krisis ekonomi dan menyelesaikan pinjaman lebih awal dan ini merupakan ilmu yang sangat berharga.

Tidak kurang pentingnya dalam buku ini penulis turut memberikan nasihat tentang pentingnya ilmu tentang pelaburan hartanah. Untuk menjadi pelabur yang berjaya, penulis menyarankan kepada kita agar mendalamai ilmu tentang hartanah melalui seminar, bengkel, menyertai kelab hartanah dan membaca buku bagi memastikan pelaburan yang dilakukan itu memberi pulangan yang baik kepada kita.


Pengulas:**Effah Imtiaz Zainol**

Penolong Pengarah

Pusat Manuskrip Melayu

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Rohani Datuk Hj. Mohd. Shahir
Cukupkah wang anda?
Petaling Jaya : Galeri Ilmu, 2014. 253ms.
ISBN 978-983-097-481-1

ULASAN

Buku *Cukupkah Wang Anda?* Menyatakan istilah ‘cukup’ merupakan istilah relatif bagi seseorang individu dengan individu yang lain disebabkan persepsi yang berbeza terhadap wang. Oleh itu, istilah cukup adalah ditentukan oleh individu itu sendiri. Kita semua harus berbelanja mengikut kemampuan seperti pepatah Melayu ‘ukur baju di badan sendiri’.

Masyarakat masa kini sering menghitungkekayaan seseorang dengan apa yang dimiliki dan dibelanjakan. Boros merupakan tabiat atau sifat mazmumah yang perlu dikikis daripada diri seseorang mukmin. Bertaubat dan memohon bantuan daripada Allah S.W.T. amat penting supaya tabiat buruk ini dapat dilenyapkan dalam kamus kehidupan seseorang.

Jumlah gaji yang kecil atau besar tiada bezanya dalam pelaburan dan perancangan

persaraan. Walaupun bergaji kecil, jika individu itu pandai menyimpan secara konsisten, tabungannya pasti akan meningkat pada usia persaraan. Mengambil perlindungan diri atau polisi takaful merupakan pelan persaraan yang efektif yang manfaatnya boleh dinikmati oleh waris yang bakal ditinggalkan.

Penulis turut mengetengahkan hasil kaji selidik yang telah dijalankan oleh *Consumer Research and Resource Center* (CRCC) dengan kerjasama *ERA Consumer* dan dibiayai oleh Citi Foundation tentang tabiat kewangan pekerja golongan muda. Antara penemuannya ialah sebanyak 70 peratus daripada responden menabung secara konsisten dan 30 peratus pula menabung antara satu hingga 10 peratus daripada pendapatan mereka.

Seterusnya penulis turut menyuarakan supaya masyarakat menyimpan secara istiqamah dan disarankan supaya simpanan dibuat pada awal bulan apabila menerima gaji. Tabung kecemasan adalah salah satu perkara penting untuk pengurusan kewangan peribadi. Tabung ini hanya digunakan untuk keperluan kecemasan seandainya terjadi musibah seperti banjir yang melanda rumah dan perlu dibaiki kerosakan. Selain perancangan kewangan untuk hidup di dunia ini, kita juga perlukan perancangan kewangan ukhrawi. Terdapat lima perkara yang dibincangkan mengenai perancangan ukhrawi iaitu infak, sedekah, lambaian Kaabah, awqaf dan mensucikan harta.

Bagi golongan usahawan, buku ini juga membicarakan tentang perancangan persaraan khas buat usahawan yang mempunyai sedikit perbezaan dengan pegawai kerajaan dan pekerja swasta. Pada kebiasaanya kakitangan kerajaan boleh menarik nafas lega apabila membincangkan tentang perancangan persaraan kerana mereka mempunyai skim pencen. Pekerja swasta pula ada tabungan masa tua dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Buku ini menyarankan agar golongan usahawan yang tidak membuat tabungan agar membuat pemilihan salah satu antara tiga instrumen kewangan yang kita semua harus ada iaitu polisi pelindungan diri, caruman bulanan kepada pelaburan saham amanah dan penulisan wasiat.

Di akhir penulisan buku ini, penulis memberikan terjemahan al-Quran supaya pembaca boleh mengambil iktibar daripadanya:

Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai hamba-hamba-ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah jua yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.”


(Az-Zumar 39:53)

Pengulas:

Abdul Jalil Awang
Penolong Pengarah
Pusat Manuskip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Akmal Hj. M. Zain
Ensiklopedia khasiat : sayur, ulam & buah-buahan tempatan
Batu Caves, Selangor : Crescent News (K.L), 2014.
746ms.
ISBN 978-967-409-064-7

ULASAN

Umum mengetahui bahawa di Malaysia, terdapat pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan yang mempunyai 1001 khasiat khusus bagi kesihatan tubuh yang berpanjangan di samping alternatif bagi merawat penyakit. Tumbuh-tumbuhan ini termasuklah yang tergolong dari sayur-sayuran, ulam-ulaman dan juga buah-buahan.

Membaca naskhah ensiklopedia karya Akmal Hj. M. Zain ini ternyata memberi satu nafas baru dalam merungkai pelbagai keistimewaan tentang makanan yang sering kita ambil dalam menu seharian. Buku terbitan Crescent News Sdn. Bhd. setebal 746 muka surat ini merupakan sebuah buku yang terangkum di dalamnya maklumat-maklumat terperinci tentang pelbagai jenis sayuran, ulaman dan buah-buahan tempatan. Di samping itu, buku ini juga menghuraikan manfaat dan cara penggunaan 129 jenis sayur, ulam dan buah-buahan dari aspek kesihatan mahupun perubatan tradisional.

Penulis buku ini mahukan pembaca mengetahui dengan lebih jelas dan terperinci

tentang manfaat sayur, ulam dan buah-buahan agar mereka bukan sahaja sekadar menikmatinya, bahkan mengenali khasiat dan kebaikan yang terkandung di dalam makanan mereka untuk mencegah dan merawat pelbagai penyakit. Ini kerana, setiap jenis sayur, ulam dan buah-buahan dihuraikan bersama pengenalan, ciri-ciri fizikal, kandungannya, khasiat untuk kesihatan, penyakit yang boleh diubati disertai dengan sumber rujukan bagi setiap fakta yang diambil. Sebagai contoh, penulis menghuraikan tentang karotin dan vitamin C dalam sayur-sayuran dan ulaman mempunyai peranan sebagai antioksidan bagi mengatasi serangan radikal bebas yang menyebabkan terjadinya kanser. Kacang panjang pula mengandungi antosianin, protein, karbohidrat, lemak serat, kalsium, besi, fosforus, potassium, sodium, vitamin B1, B2, vitamin C dan niasin yang mempunyai khasiat antikanser, meningkatkan fungsi sel darah merah dan limpa serta baik untuk merawat sakit pinggang. Delima pula mempunyai zat anti oksidan yang bermanfaat bagi sel-sel dalam tubuh dan memiliki kandungan antioksidan 3 kali lebih banyak berbanding wain dan teh hijau.

Selain daripada pelbagai tumbuhan herba yang lazimnya dikenali oleh masyarakat umum, herba yang kurang dikenali umum juga turut dihuraikan dalam buku ini. Sebagai contoh, ulam beluntas yang terdapat di hutan dan kampung di Malaysia yang telah lama digunakan oleh orang-orang Melayu dan Cina sebagai bahan ubat atau penguat tenaga. Antara khasiat beluntas adalah menghilangkan bau nafas dan bau badan, mengubati demam serta merawat penyakit reumatik.

Isi kandungan buku ini diolah dengan menarik dan bahasa yang digunakan juga mudah difahami. Pengarang juga menyediakan ilustrasi bagi memberi gambaran yang lebih tepat tentang setiap jenis sayuran, ulaman dan buah-buahan yang dibincangkan. Buku ini sesuai untuk dijadikan sebagai bahan bacaan dan rujukan bagi meningkatkan pengetahuan dan memberi kesedaran untuk kembali menghargai hasil bumi khazanah kita yang mempunyai pelbagai khasiat untuk dimanfaatkan khususnya rawatan penyakit kanser.

Pengulas:

Zaimatul Ahlam Talhah

Penolong Pengarah

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Tilton, Adelle Jameson
Panduan lengkap ibu bapa kanak-kanak dengan autisme

Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia,
2014. 322ms.
ISBN 978-967-430-259-7

ULASAN

Autisme merupakan keadaan yang mempengaruhi pemprosesan, integrasi dan pengurusan maklumat yang memberi kesan secara signifikan kepada komunikasi, interaksi sosial, kemahiran berfungsi dan prestasi pembelajaran. Ketidakfahaman berkaitan istilah ini menyebabkan para ibu bapa takut sekiranya anak mereka mengalami masalah autisme ini. Sekiranya anda salah seorang daripada kalangan ibu bapa yang menghadapi masalah tersebut, buku ini hasil karangan Adelle Jameson Tilton boleh membantu untuk memahami bagaimana anak yang kurang upaya boleh memberi kesan kepada ahli keluarga yang lain serta perhubungan ibu bapa, dan memberi fokus kepada perkara yang dapat menjaga perasaan semua orang. Pengarang buku ini merupakan seorang ibu yang memiliki anak lelaki yang menghidap autisme. Buku ini adalah hasil daripada pengalaman peribadi beliau yang mendapati bahawa gambaran yang diberikan tentang keceluaran spektrum autisme (*autism spectrum disorders* atau ASD) tidak sama dengan menjalani sendiri kehidupan sehari-hari bersama penghidapnya.

Pengarang membahagikan perbincangannya berkenaan penyakit ini kepada 20 bab. Bab satu hingga enam menerangkan tentang diri penghidap autisme, seterusnya perhubungan dengan keluarga dan orang sekeliling serta masa depan penghidap autisme ini. Setiap bab mempunyai perkongsian maklumat oleh pengarang, persoalan, fakta dan penegasan tentang perkara-perkara penting yang perlu diambil perhatian.

Penerangan yang diberi dalam buku ini bukan sahaja memberikan nasihat yang praktikal, malah kata-kata semangat yang membantu menenangkan senario kehidupan sebenar untuk keluarga yang terlibat. Buku ini juga dapat membantu dalam berkomunikasi secara berkesan dengan anak, menyatukan ahli keluarga, menangani amukan anak, serta panduan tentang alat bantuan. Pemilihan sekolah dan mencari kumpulan intervensi dan sokongan yang sesuai.

Penulis turut memberikan sumber rujukan tambahan bagi pengkaji dalam bidang berkaitan. Kajian menunjukkan di bandar-bandar lebih kecil seperti Berkeley, California atau Green Bay, Wisconsin terdapat antara 200 hingga 400 orang yang mengalami autisme tinggal di situ. Manakala di bandar-bandar besar seperti Detroit, Michigan atau San Antonio, Texas mempunyai 2,000 hingga 4,000 orang pengidap autisme.


Ternyata buku ini sesuai dirujuk oleh para penyelidik dan keluarga penghidap autisme agar semua yang terlibat dapat memahami penyakit ini untuk meneruskan kehidupan, menjadi lebih berpengetahuan dan mendidik orang lain.

Pengulas:**Nurul Suhaiza Nain @ Abd Salam**

Penolong Pengarah
Perkhidmatan Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Rahimah Abdul Kadir
Penjagaan kesihatan mulut ibu hamil dan bayi
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
118ms.
ISBN 978-983-46-1955-8

ULASAN

Buku ini amat sesuai untuk bacaan umum dimana penulis mengetengahkan skop kesihatan penjagaan kesihatan mulut ibu hamil dan anak sehingga berusi lima tahun. Buku ini juga mengetengahkan kesan terhadap bayi dalam kandungan dan penjagaan kesihatan mulut bayi sehingga berusia lima tahun. Perbincangan dibahagikan kepada enam (6) bab yang mengandungi kupasan terperinci tentang tajuk ini.

Senyuman ibu hamil merupakan penambah seri muka. Sepertimana yang kita tahu, senyuman adalah ubat paling mudah untuk menambat hati seseorang. Senyuman juga boleh menaikkan semangat seseorang. Apabila kita sentiasa tersenyum, secara automatik raut wajah kita akan lebih berseri. Namun begitu, senyuman tidak dapat diukir sekiranya kita tidak menjaga kebersihan mulut dan gigi. Bab ini juga membincangkan mengenai tabiat buruk yang boleh membawa malapetaka kepada ibu hamil serta bayi dalam kandungan iaitu kesan merokok, dadah dan alkohol. Antara kesan yang boleh

dilihat ialah pada kesihatan mulut dan memberikan kesan kepada pertumbuhan bayi di dalam rahim, berlaku keguguran, kelahiran pramatang, dan pelbagai komplikasi yang tidak diingini. Oleh demikian, para ibu hamil perlulah menjaga kebersihan mulut dan mengamalkan pemakanan yang seimbang bagi memastikan zat dan nutrien yang diambil boleh menampung pertumbuhan tulang dan menguatkan rahang ibu hamil dan bayi yang dikandung. Ibu hamil juga disarankan untuk berjumpa doktor pergigian semasa awal kehamilan untuk pemeriksaan pergigian. Penggunaan berus gigi yang sesuai juga penting bagi memastikan gusi ibu hamil tidak mudah terluka.

Penulis juga turut mengupas tentang masalah mulut dan kegigian ibu hamil. Salah satu masalah yang dihadapi ialah halitosis iaitu mulut berbau. Pelbagai faktor membawa kepada permasalahan ini seperti pemakanan, faktor perubatan, kecuaian menjaga kebersihan mulut, merokok serta disebabkan takungan sisa bakteria dan sel mati yang bertakung dalam lembah papilla lidah. Untuk mengelak dari permasalahan ini terus mengganggu anda, ibu hamil disarankan untuk berkumur. Sekiranya ibu hamil ingin berkumur dengan ubat kumur, adalah penting untuk memastikan ubat kumur tersebut bersifat antiseptik. Selain itu, masalah karies gigi atau gigi berlubang juga sering terjadi sekiranya ibu hamil tidak menjaga pemakanan seharian. Ibu hamil tidak digalakkan untuk mengambil makanan yang manis dan masin terlalu kerap. Malah, disarankan mengamalkan makanan seimbang seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Selain itu, peningkatan hormon estrogen dan progesterone dalam fasa kehamilan juga boleh menyebabkan penompokan plak di permukaan gigi dan ini disebut penyakit gusi dan periodontium. Penyakit gusi yang tidak dikawal boleh memudaratkan kesihatan ibu hamil dan bayi yang dikandung. Gusi boleh membengkak dan mudah berdarah.

Penulis turut memfokuskan mengenai kesihatan, permasalahan dan kerbersihan gigi anak-anak. Permulaan dengan pertumbuhan gigi awal anak-anak yang perlu dijaga untuk mengelakkan gigi anak cepat rosak. Penulis juga memberi penerangan mengenai urutan pertumbuhan gigi melalui gambarajah bagi memudahkan pembaca lebih memahami dan mengenali jenis-jenis gigi yang tumbuh pada anak-anak. Penulis turut membincangkan masalah dalam pertumbuhan gigi kanak-kanak beserta panduan kepada ibu bapa bagi mencegah dan mengatasinya. Penulis juga menyelitkan petua-petua yang boleh diamalkan demi menjaga gigi anak-anak agar tidak terus rosak serta

petua membersihkan mulut bayi yang belum mempunyai gigi. Banyak ilmu yang boleh didapati dalam buku ini yang memberikan kesedaran akan pentingnya penjagaan mulut dan gigi di samping rutin harian iaitu menggosok gigi tiga kali sehari. Ternyata lebih banyak perlu dilakukan bagi memastikan mulut dan gigi kita sentiasa sihat dengan menambahkan ilmu melalui buku ini.

Keistimewaan buku ini ialah pengkhususannya untuk ibu hamil dan bayi. Pastinya gaya bahasa dan ilustrasi menarik yang ditonjolkan dalam buku ini memudahkan para pembaca untuk mengikuti setiap panduan dan maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis.

Pengulas:

Nur Aishah Che Raimi
Penolong Pengarah
Bahagian Sumber Elektronik
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Noor Hayati Yasmin Nga Timin
Sehari di A&E

[Petaling Jaya, Selangor] : TrueWealth, 2015. 244ms.
ISBN 978-967-416-049-4

ULASAN

Buku ini dihasilkan melalui pengalaman penulis sebagai doktor perubatan di Jabatan Kecemasan atau dikenali juga *Accident & Emergency* (A & E). Ia dihasilkan untuk berkongsi pengalaman beliau sepanjang bertugas di A & E yang membawa kita untuk menghargai kehidupan. Antara perkara yang terdapat dalam buku ini ialah pengalaman menarik doktor serta kakitangan perubatan yang lain dalam menangani setiap kes kecemasan yang dirujuk di A & E. Buku ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama menceritakan luahan hati seorang doktor dan bahagian kedua membincangkan perkara yang dipelajari daripada pesakit.

Sebagai pengenalan kepada intipati kandungannya, bahagian pertama membincangkan mengenai Jabatan Kecemasan (A & E). Terdapat tiga zon di A & E iaitu merah, kuning dan hijau. Merah atau nama lainnya zon ‘resus’ adalah zon kritikal, kuning pula zon semikritikal manakala hijau adalah zon bukan kritikal atau ‘cold case’.

Penulis turut menceritakan pengalaman doktor di Jabatan A & E serta apa yang dapat dipelajari daripada setiap kes pesakit. Pelbagai kes yang diterima di sini antaranya berkaitan dadah, alkohol, kes rumah tangga, kemalangan di tempat kerja, kurang kasih sayang keluarga dan sebagainya. Setiap kes cuba ditangani sebaik mungkin kerana peranan doktor adalah penting untuk mengurangkan kegusaran dan kebimbangan ahli keluarga. Saat yang paling sukar apabila terpaksa memberitahu ahli keluarga berita kematian.

Buku ini amat mudah difahami oleh pembaca kerana penulis menerangkan dengan jelas setiap perkara yang dibincangkan. Setiap bab yang dibincangkan dalam buku ini saling berkaitan dan memudahkan pembaca memahami skop penulisan buku ini. Buku ini menceritakan tahap kritikal kes yang dikendalikan oleh Jabatan A & E.

Pengalaman penulis dalam mengendalikan kes-kes kecemasan boleh dijadikan panduan dan iktibar kepada kita. Tidak semua kes yang dihantar ke Jabatan A& E akan dikendalikan serta merta. Melalui buku ini juga, kita sebagai orang awam perlu bertanggungjawab untuk menggunakan segala kemudahan yang disediakan di Jabatan A & E. Janganlah bersikap mementingkan diri sendiri kerana ada pihak yang lebih memerlukan perkhidmatan di Jabatan A & E.

Kisah ahli keluarga yang meninggalkan pesakit di wad juga diceritakan dalam buku ini. Ahli keluarga seharusnya bertanggungjawab dengan pesakit dan menunggu sehingga pesakit selesai mendapatkan rawatan. Terdapat sesetengah ahli keluarga tidak mahu menunggu pesakit dengan alasan tiada masa atau menunggu terlalu lama. Sikap sebegini menyebabkan kakitangan hospital menghadapi masalah sekiranya doktor memerlukan kebenaran untuk memberikan rawatan. Doktor yang bertugas di jabatan ini bertanggungjawab untuk membuat keputusan kerana ia melibatkan nyawa pesakit.

Buku ini sesuai dibaca oleh mereka yang berminat mengetahui latar belakang Jabatan A & E khususnya bakal doktor memandangkan buku ini menceritakan tentang Jabatan A & E atau Unit Kecemasan. Secara keseluruhannya buku ini amat mudah untuk difahami dan boleh dijadikan sebagai bahan bacaan keluarga.

Sehari di A&E mengajak pembaca untuk menghargai dan mengecapi hidup melalui

kisah-kisah yang menyentuh hati. Sekaligus menyuntik motivasi untuk meneruskan kehidupan dengan rasa gembira dan berbesar hati, kerana hidup ini terlalu indah dan berharga untuk disia-siakan.

Pengulas:


Sofia binti Osman

Penolong Pengarah

Perkhidmatan Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Juliana Shamsudin
Soal jawab diet diabetes

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
179ms.
ISBN 978-983-46-1805-6

ULASAN

Buku ini ditulis oleh Juliana Shamsudin yang merupakan pakar dalam bidang pemakanan. Buku ini dihasilkan melalui pengalaman beliau selama sembilan tahun mengendalikan kaunseling pemakanan untuk pesakit diabetes yang dirujuk oleh doktor. Beliau kini bertugas sebagai Pegawai Dietetik di Pusat Sains Kesihatan USM Kubang Kerian, Kelantan.

Diabetes atau kencing manis telah dikenal pasti sebagai penyakit utama yang dihidapi oleh rakyat Malaysia dan merupakan penyakit kronik. Kaji selidik yang dibuat oleh Kesihatan dan Morbiditi Nasional (NHMS) pada tahun 2011 mendapat kira-kira 2.6 juta rakyat Malaysia menghidap diabetes.

Diabetes berlaku apabila kadar gula (glukosa) yang sangat tinggi terdapat dalam peredaran darah seseorang apabila berlaku kegagalan fungsi insulin yang dihasilkan oleh pankreas. Fungsi insulin ialah untuk bertindak sebagai hormon menukar

glukosa dalam badan kepada tenaga bagi keperluan badan manusia. Dalam keadaan normal makanan yang dimakan akan ditukar ke dalam bentuk yang ringkas iaitu glukosa dan akan diserap ke dalam darah. Sekiranya berlaku kekurangan insulin atau fungsi terjejas, maka aras glukosa dalam darah akan meningkat. Ini mengakibatkan gula tidak dapat memasuki sel-sel badan.

Antara simptom yang mungkin terdapat pada seseorang penghidap diabetes ialah kerap dahaga, kerap kencing, kerap rasa lapar, letih atau penat yang keterlaluan, berlaku penurunan berat badan mendadak, penglihatan kabur dan luka lambat sembah. Buku ini turut memuatkan maklumat penting yang perlu diketahui umum tentang corak pemakanan yang seharusnya diamalkan oleh pesakit diabetes. Selain dari pengambilan ubat, insulin dan senaman, amalan diet merupakan satu aspek yang perlu ditiitikberatkan oleh pesakit bagi mengawal aras glukosa dalam darah.

Ianya digarap dalam lima bab bermula dengan Kenali Diabetes; Diabetes Jenis 1; Diabetes Jenis 2; Diabetes Gestasi; dan Diabetes dan Pemakanan. Isi kandungan setiap bab diolah dalam bentuk pertanyaan dan jawapan bermula dengan definisi, faktor risiko seseorang boleh mendapat diabetes, simptom setiap jenis diabetes dan komplikasi yang akan berlaku sekiranya seseorang itu tidak dapat mengawal penyakit diabetes.

Buku ini penting untuk pengidap diabetes sebagai panduan. Sebenarnya pesakit masih boleh menikmati pelbagai jenis makanan asalkan dalam jumlah dan kadar yang betul seperti yang disyorkan oleh pakar diet. Gaya penulisan buku ini adalah ringkas dan mudah difahami. Penggunaan istilah dalam bidang perubatan yang sukar difahami oleh pembaca dapat dirujuk maknanya pada glosari di akhir muka surat buku. Buku ini amat sesuai dijadikan rujukan dan panduan untuk mereka yang sihat, pesakit diabetes dan individu yang berminat untuk meningkatkan kualiti kesihatan mereka melalui pemakanan yang sihat.

Pengulas:

Sharwana Said

Penolong Pustakawan

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

Perpustakaan Negara Malaysia


SINOPSIS BUKU



Marina Mustafa
5 Rencah 15 minit
Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2014. 233ms.
ISBN 978-983-124-952-9

Buku berjudul *5 Rencah 15 Minit* ini dihasilkan oleh Marina Mustafa atas rasa tanggungjawab beliau untuk mengimbangi antara tuntutan menguruskan keluarga dan karier dalam satu masa. Kekangan masa kerana faktor kesibukan bekerja tidak dijadikan alasan untuk tidak memasak di rumah. Semua resepi dalam buku ini hanya menggunakan 5 rencah sahaja dan memerlukan masa 15 minit atau kurang untuk memasaknya. Malahan beliau hanya menggunakan bahan-bahan asas dalam masakan dan cukup mudah didapati. Penulis berkongsi 100 resepi yang begitu mudah dimasak, sedap dan berkhasiat. Resepi yang dipaparkan terdiri dari pelbagai jenis masakan moden dan tradisional yang bersesuaian dengan selera masyarakat tempatan. Buku ini bukan sekadar sesuai untuk ibu-ibu yang berkerjaya malah untuk semua golongan yang ingin belajar dan mencuba memasak menu yang ringkas dan berkhasiat.

SINOPSIS BUKU



Jo Komar & W.A. Amir Zal
Adat Orang Asli Suku Temuan


Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
95ms.

ISBN 978-983-46-1445-4

Orang Asli Temuan merupakan suku kaum Melayu Proto atau Melayu Asli dan rumpun bangsa keempat terbesar dalam kalangan Orang Asli. Penempatan Suku Temuan yang terletak di negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Johor. Buku ini merangkumi sejarah Orang Asli suku Temuan dalam menjalani kehidupan seharian, adat perkahwinan dan penceraian, adat mengandung dan bersalin, adat kematian dan pengkebumian serta adat berkaitan tanah. Penerbitan buku ini adalah merupakan usaha penulis memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya dalam kalangan Orang Asli suku Temuan untuk memulihara adat tradisi mereka yang semakin hilang ditelan arus kemodenan. Selain itu juga, buku ini sangat bermanfaat bagi golongan muda Orang Asli suku Temuan bagi menghargai adat tradisi suku mereka yang telah lama diamalkan sejak dari zaman nenek moyang mereka agar tidak ditelan arus zaman.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Khalid Fauzi Abbas
**Ajaibnya gerakan solat
bagi perkembangan janin.**
Ed. bahasa Melayu
Batu Caves, Selangor : Al-
Hidayah House of
Publishers, 2014. 228ms.
ISBN 978-967-439-160-7

Buku ini merungkai dan menjelaskan tentang kelebihan solat bagi para ibu yang hamil daripada sudut jasmani dan fizikal, baik untuk ibu dan juga bayi yang dikandung. Setiap pergerakan dalam solat yang meliputi tiga rukun utama iaitu berdiri, rukuk dan sujud mempunyai kesannya yang tersendiri kepada ibu yang hamil. Turut dilengkapi juga dengan berbagai contoh masalah yang sering dialami oleh sebahagian besar ibu hamil. Terdapat juga doa-doa dan zikir yang khusus untuk amalan ibu hamil bagi menenangkan fikiran dan cara berkomunikasi yang positif dengan bayi dalam kandungan. Buku ini sesuai dijadikan bahan bacaan untuk kaum wanita terutamanya ibu hamil.


SINOPSIS BUKU



Secara umumnya buku ini memaparkan tentang tradisi orang Melayu yang sangat menghargai alam semulajadi yang melingkari kehidupan melalui motif fabrik Melayu. Alam semulajadi diangkat sebagai sumber ilham dalam melahirkan reka bentuk motif-motif yang terdapat pada fabrik Melayu. Penghayatan terhadap alam ini dijadikan lakaran motif-motif yang diterjemahkan ke atas fabrik dengan tujuan menjadikan fabrik Melayu kelihatan lebih unik dan menarik, sesuai dengan budaya masyarakat Melayu.

Abd. Rashid Ismail
Alam sebagai motif kraftangan fabrik Melayu tradisi
Shah Alam : Penerbit UiTM,
Universiti Teknologi MARA,
2014. 145ms.
ISBN 978-967-363-233-6


SINOPSIS BUKU



Puteri Rozzana Hashim
A-Z cara mudah menjahit manik tudung
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors,
2014. 50ms.
ISBN 978-967-61-2707-5

A-Z Cara Mudah Menjahit Manik Tudung adalah berdasarkan pengalaman penulis sepanjang bergiat dalam bidang kerja seni kraf tangan bagi jahitan manik tudung khususnya. Buku yang dipersembahkan dengan gambar berwarna yang menarik ini menampilkan banyak tip dan panduan berkaitan kaedah jahitan manik dan labuci. Dihuraikan sebelas paten jahitan manik dengan teknik yang berbeza serta diterangkan secara langkah demi langkah dengan penerangan yang jelas dan ringkas bagi memudahkan pembaca untuk mempelajarinya. Jelas sekali setiap tudung kosong boleh diperindah dengan perincian jahitan manik dan labuci bagi menyerlahkan lagi seri dan penampilan sesuatu tudung yang digayakan. Buku ini pasti akan memberikan idea baru bagi pemakai tudung yang inginkan kelainan. Selain boleh dijadikan hobi, kemahiran menjahit manik tudung juga akan dapat menjana pendapatan sampingan yang lumayan.


SINOPSIS BUKU



Hamzah Jusoh
**Bandar raya global :
dinamika Kuala Lumpur**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2014. 298ms.
ISBN 978-967-412-214-0

Globalisasi memberi peluang sama rata kepada semua wilayah di dunia terlibat secara aktif dalam arus perdana ekonomi global. Dalam konteks pembahagian kerja antarabangsa baru, peranan yang dimainkan oleh bandar raya sama ada wilayah pusat, separa-pinggiran atau pun pinggiran adalah bersifat saling pelengkap. Bandar raya global adalah satu penjelmaan secara fizikal proses globalisasi semasa yang dicirikan oleh satu era persaingan ekonomi yang sengit. Proses ini dipercepatkan lagi dengan kewujudan jaringan yang kuat di antara bandar raya global yang terletak di wilayah NAFTA, Kesatuan Eropah dan Asia Pasifik. Di Asia, bandar raya utamanya menjadi lokasi baru kepada pengeluaran industri global dan memainkan peranan penting dalam transformasi ekonomi peringkat global. Menfokuskan Kuala Lumpur dan wilayah-bandar rayanya, buku ini membincangkan posisi serta daya persaingan bandar raya ini dalam sistem jaringan bandar raya global terutama di peringkat Asia Pasifik.


SINOPSIS BUKU



Bangkit : tempoh pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia
Petaling Jaya : Strategic Information and Research Development Centre (SIRD),
2014. 250ms.
ISBN 978-967-0630-31-1

Abdullah bin Haji Ahmad Badawi atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Lah, telah mengukir namanya dalam sejarah negara sebagai Perdana Menteri kelima. Dalam buku ini penulis cuba memberi gambaran lima tahun kepimpinan Abdullah, bermula dari tahun 2003 hingga tahun 2009. Penulisan ini tidak hanya memfokuskan Abdullah sebagai seorang pemimpin tetapi juga perubahan lebih luas yang berlaku di Malaysia semasa beliau memimpin. Dalam buku ini juga anda berpeluang membaca pelbagai hujah daripada sejumlah sarjana dan pengamal, termasuk penilaian oleh Abdullah Badawi sendiri. Karya ini merupakan kompilasi penulisan oleh beberapa pengarang, termasuk protagonis politik daripada pelbagai spektrum politik. Kepelbagaiannya ini menunjukkan ada debat berterusan dan meluas sedang berlaku dalam usaha memahami Malaysia. Tujuan buku ini diterbitkan ialah untuk menyumbang apa yang penulis tahu mengenai pembangunan semasa dan memberi gambaran pentadbiran Abdullah secara meluas dan mendalam.

SINOPSIS BUKU



Kamarul Syahril Kamal &
Lilawati Ab Wahab
**Bangunan bersejarah :
kerosakan dan penyataan
kaedah kerja pemuliharaan**

Shah Alam : Penerbit
Universiti Teknologi MARA,
[2014]. 228ms.
ISBN 978-967-363-039-4

Malaysia kaya dengan bangunan bersejarah yang mempunyai keunikannya tersendiri sebagai khazanah warisan negara. Estetik, sejarah, dokumentari, arkeologi, ekonomik, sosial, politik, rohani dan simbolik antara yang dikategorikan sebagai bangunan bersejarah. Bangunan dan monumen bersejarah ini perlu dipelihara dan dipulihara kerana mencerminkan budaya hidup sesebuah bangsa dan tamadunnya. Kepentingan-kepentingan menjaga dan memulihara bangunan bersejarah ini telah dinukilkan oleh penulis di dalam bukunya dan proses pemuliharaan tersebut perlu dilaksanakan dan dilakukan oleh pihak yang mahir dan pakar agar keasliannya dapat dikekalkan. Turut diselitkan kaedah dan langkah-langkah untuk proses kerja pemuliharaan bangunan bersejarah yang perlu dipatuhi dengan merujuk dan berpandukan kepada prinsip, falsafah dan etika pemuliharaan. Buku ini boleh dijadikan sebagai rujukan dan garis panduan kepada pihak yang berkaitan seperti pelajar dan lain-lain.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Acitra, Yuan
Belajar santai tapi pointer 4.0

Johor Bahru : Perniagaan
Jahabersa, 2014. 132ms.
ISBN 978-967-308-495-1

Yuan Acitra seorang penulis yang berkelulusan Ilmu Ekonomi dari Universiti Andalas, berkongsi ilmu dan pengalaman sebagai mahasiswa untuk dikongsi bersama pembaca. Gaya penyampaian penulisan yang santai dan tidak memberatkan kepada pembaca memudahkan untuk difahami. Beliau menjelaskan proses pembelajaran di sekolah menengah dan peringkat universiti adalah berbeza. Pelajar tidak boleh menganggap dan mengambil sikap sambil lewa akan sesuatu mata pelajaran dan menganggap mudah dan remeh, sebaliknya pelajar perlu bersungguh-sungguh dan konsisten dalam pembelajaran dan meningkatkan prestasi pada setiap semester kerana kejayaan di awal tahun akan memotivasi kejayaan seterusnya. Penulis memberi tips kepada pelajar yang akan menghadapi ujian tahun pertama pengajian supaya keputusan yang diperolehi tidak mengecewakan dan tips bagaimana untuk mengurus waktu sepanjang proses pembelajaran di universiti dan beberapa tips lain yang dimuatkan dalam buku ini sangat memberi manfaat dan dapat meningkatkan motivasi diri. Tidak akan mengecewakan kepada pembaca yang memiliki buku ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Dzurizah Ibrahim & Jaliyah
Md. Shah
**Buruh kanak-kanak di
Sabah**
Kota Kinabalu, Sabah :
Penerbit Universiti Malaysia
Sabah, 2014. 171ms.
ISBN 978-967-0521-34-3

Senario kanak-kanak di Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah berlegar-legar menawarkan kudrat tulang empat keratnya demi mencari wang ringgit merupakan situasi yang biasa. Kurangnya perhatian terhadap isu buruh kanak-kanak telah menarik perhatian penulis untuk meneroka isu ini dengan lebih mendalam. Buku ini memaparkan sorotan isu, cabaran dan permasalahan kanak-kanak yang bekerja di Sabah. Karya ini berusaha untuk menyelongkar kehidupan buruh kanak-kanak dengan meneroka senario kehidupan mereka untuk memberikan pemahaman tentang kewujudan buruh kanak-kanak khususnya apabila kajian turut menyaksikan penglibatan kanak-kanak warga asing. Buku ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat dan meningkatkan pengetahuan dan pemahaman masyarakat tentang isu buruh kanak-kanak di Sabah. Matlamat seterusnya adalah untuk mencetuskan paradigma dan kesedaran masyarakat tentang dilema pembangunan kehidupan buruh kanak-kanak, sama ada mereka dianggap sebagai aset atau liabiliti kepada negara, khususnya penglibatan buruh kanak-kanak warga asing yang turut mewarnai dan mendominasi senario buruh kanak-kanak di Sabah.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Mardiana Mat Ishak, Mohd
Khairul Nizam Zainan Nazri
Dahsyatnya doa isteri
Batu Caves, Selangor : PTS
Millennia, 2014. 160ms.
ISBN 978-967-411-288-2

Sebuah buku istimewa untuk kaum wanita, terutamanya yang bergelar isteri ataupun bakal bergelar isteri. Buku ini menampilkan nilai kehebatan doa seorang isteri. Penulis memberikan jawapan untuk persoalan mengapa isteri perlu berdoa untuk suaminya, faktor-faktor termakbul dan tertolaknya doa isteri serta adab-adab berdoa. Buku ini juga menyenaraikan 40 pilihan doa ajaran Allah S.W.T. dan Nabi S.A.W. untuk kebahagiaan suami isteri dunia dan akhirat. Penulis juga cuba kongsikan peranan besar seorang isteri untuk kesejahteraan suami dan rumah tangga mereka. Selain tindakan hasil daripada amanah yang dipikulnya, doa isteri adalah perkara paling ampuh sebagai senjata paling berbisa.


SINOPSIS BUKU



Zakaria Salleh
Gubir oh! Gubir
Selangor : Mega Kreatif
Pub., 2015. 309ms.
ISBN 978-967-5286-29-2

Buku ini merupakan himpunan beberapa peristiwa bersejarah yang berlaku di Gubir, Kedah. Penulis berkongsi cerita tentang kisah tiga orang tentera yang telah terlibat dalam operasi di Gubir iaitu Kapt. Zainal Rashid, Leftenan Muda Basri Omar dan Mejai Nor Ibrahim Sulaiman. Pelbagai pengalaman dan kesukaran yang dialami oleh anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ini ketika mereka menjalani operasi membanteras musuh negara iaitu pengganas komunis telah dikongsikan bersama dalam buku ini. Antara peristiwa yang dimuatkan di dalam buku ini adalah kisah tentera yang terkorban semasa operasi serta penganugerahan pingat keeahlawanan kepada pahlawan negara yang telah berjuang menentang musuh. Buku ini sangat menarik kerana pembaca boleh mengetahui tentang keadaan sebenar yang terpaksa diharungi oleh anggota ATM dalam menentang musuh.


SINOPSIS BUKU



Lee, Yok Fee
**Identiti Cina Malaysia :
elemen dan pembentukan**
Kuala Lumpur : Penerbit
Universiti Malaya, 2014.
125ms.
ISBN 978-983-100-766-2

Sejak tahun 1980-an, kajian identiti menjadi semakin popular dalam dunia akademik. Dalam kajian identiti orang Cina Malaysia, kebanyakan kajian adalah berdasarkan analisis peringkat makro yang memfokuskan struktur sosial dan bukan pelaku sosial. Buku ini adalah berdasarkan kajian peringkat mikro untuk melihat pengetahuan orang Cina Malaysia tentang identiti mereka dan bagaimana mereka membentuknya. Hasil kajian menunjukkan bahawa orang Cina Malaysia sebagai pelaku sosial mempunyai kemampuan dan kreativiti yang tinggi dalam membahaskan pembentukan identiti mereka. Mereka turut mempunyai logik dan cara yang tersendiri bila membincangkan konsep identiti. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa konsep identiti yang dicadangkan dalam kajian makro adalah tidak mencukupi untuk memahami identiti orang Cina. Sebab utama ialah orang Cina Malaysia mempunyai perspektif dan rasionaliti yang tersendiri dalam wacana identiti mereka.

SINOPSIS BUKU




Isu profesionalisme kaunseling di Malaysia
Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2014.
236ms.
ISBN 978-983-100-767-9

Buku ini merupakan hasil kajian kesusasteraan yang mendedahkan maklumat awal dan asas kepada pembaca tentang beberapa dimensi dan bidang pengamalan yang penting dalam profesion kaunseling. Fokus utama yang diketengahkan dalam buku ini adalah isu-isu profesionalisme dalam pengamalan dan perkhidmatan kaunseling di Malaysia. Ini termasuklah perkembangan profesion kaunseling, isu kepelbagaiannya budaya dalam pengamalan kaunseling, pengamalan kaunseling di sekolah dan organisasi, pengujian dalam kaunseling dan psikologi, kaunseling ketagihan dan pemulihian serta isu kecekapan kaunselor. Buku ini sesuai dijadikan panduan dan rujukan kepada para kaunselor, pelajar-pelajar kaunseling, pegawai khidmat masyarakat, guru pusat atau unit kaunseling untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan memahami aspek yang berkaitan dengan isu-isu berkaitan profesion kaunseling di Malaysia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Umi Kalthum Ngah & Zulkifli
Zainal Abidin
**Keajaiban haiwan yang
mengubah dunia**
Batu Caves, Selangor : PTS
Millennia, 2014. 242ms.
ISBN 978-967-411-046-8

Keadaan dunia semakin diancam oleh kemajuan yang tidak mengambil kira aspek kelestarian alam semesta. Pendekatan alternatif perlu dicari dan diteroka. Pendekatan yang bersumberkan penelitian alam semulajadi iaitu alam flora dan fauna ini mampu dijadikan alternatif. Dalam buku ini, kehebatan teknologi dalam alam fauna ataupun haiwan dibincangkan dan diterangkan dengan panjang lebar. Sebagai manusia yang dianugerahi akal oleh yang Maha Pencipta, manusia mampu meneliti, menyaring dan mengaplikasikan teknologi yang berpaksikan alam haiwan dan menyerasikannya mengikut keperluan dan manfaat dirinya serta keperluan alam sejagat. Ilmuan Muslim dilihat mempunyai tanggungjawab dalam menerajui konsep dan pengertian ‘sains untuk kesejahteraan alam’.

SINOPSIS BUKU



Kearifan lokal yang terkandung dalam manuskrip lama
Bangi, Selangor : Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014. 185ms.
ISBN 978-967-412-256-0

Manuskrip adalah khazanah budaya yang mengandungi pelbagai idea, pengetahuan, adat-istiadat dan lain-lain yang menunjukkan keintelektualan yang tinggi. Oleh itu, sudah ada peningkatan minat ke atas kearifan dalam manuskrip yang diwarisi itu dalam R&D, pemodenan, malah pembinaan identiti bangsa dan negara. Peningkatan minat itu juga disebabkan sudah tercetus kesedaran baru bahawa tindakan tegas perlu dibuat untuk melindungi dan mempertahankan kearifan, sejarah, memori dan akal budi dalam manuskrip Nusantara di saat negara kita berdepan dengan arus pembaratan dan globalisasi. Menonjolkan kearifan lokal dalam kebudayaan kita adalah cara yang praktikal dalam mempertahankan imej dan identiti kita. Keunikan kebudayaan itulah yang membuat kita berbeza daripada bangsa lain. Dalam konteks ini, manuskrip Nusantara yang lahir dari kesedaran, jiwa, rasa dan selera orang peribumi wajar diberi perhatian serius dan dibanggakan.

SINOPSIS BUKU




Kefungsian keluarga
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, [2014]. 178ms.
ISBN 978-967-412-224-9

Keluarga adalah institusi mikro yang berperanan membangunkan potensi individu dan menyediakan persekitaran kondusif bagi perkembangan yang optimum bagi anak-anak. Teori dan kajian telah mengenal pasti kemampuan kefungsian keluarga dalam mempengaruhi kesejahteraan diri anak-anak. Terdapat pelbagai teori yang telah dikemukakan berkaitan kefungsian keluarga ini. Buku ini adalah satu usaha yang dilakukan bagi membincangkan perkara tersebut. Mengandungi 12 bab yang membicarakan tentang kefungsian keluarga dan kesejahteraan diri anak-anak yang merupakan hasil kajian daripada pensyarah serta pelajar siswazah. Kandungan buku ini membentangkan maklumat empirikal bagi membantu semua pihak untuk memahami peranan keluarga terhadap kesejahteraan hidup anak-anak.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Mohamad Sattar Rasul,
Rose Amnah Abdul Rauf &
Mohd Yusof Husain
**Kemahiran
kebolehdapatan kerja :
suatu keperluan pekerjaan**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2014. 142ms.
ISBN 978-967-412-198-3

Perkembangan teknologi kini memerlukan pekerja yang berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan industri. Hal sedemikian telah menyebabkan sebahagian besar majikan mengutamakan kemahiran kebolehdapatan kerja yang perlu dimiliki oleh golongan graduan sebelum mereka menceburi alam pekerjaan yang penuh dengan cabaran. Sehubungan itu, para pendidik perlu memainkan peranan yang besar dan memiliki pengetahuan yang luas dalam proses untuk memupuk kemahiran ini kepada pelajar. Buku ini memberikan panduan kepada para pendidik tentang keperluan dan kepentingan kemahiran ini dari pelbagai perspektif iaitu penilaian kemahiran, strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran kebolehdapatan kerja ini. Pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti dan berterusan akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran serta mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan industri yang kian sengit.


SINOPSIS BUKU



Azhar Abu Bakar, Dato'
Kolokial Orang Parit
Batu Caves, Selangor :
Dato' Azhar Abu Bakar,
2014. 377ms.
ISBN 978-967-12962-0-2

Daerah Parit terkenal kerana keunikan bahasa percakapan hariannya. Namun, kesan daripada peredaran dan perkembangan zaman, bahasa percakapan harian ini telah ditinggalkan dan semakin pupus. Malah, generasi yang lebih lama juga telah ramai yang tidak berapa ingat erti dan maksud sebenar sesetengah perkataan yang digunakan oleh penduduk di daerah Parit. Atas kesedaran tersebut penulis telah mengambil inisiatif untuk mengumpul, merakam dan menerbitkan khazanah bahasa percakapan harian orang Parit yang unik ini agar ianya tidak hilang dimamah zaman. Semoga loghat atau bahasa percakapan Orang Parit ini tidak pupus ditelan zaman serta terus kekal digunakan.

SINOPSIS BUKU




Norhayati Ibrahim
Kualiti hidup dan pengurusan pesakit buah pinggang tahap akhir
Bangi, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014. 149ms.
ISBN 978-967-412-224-9

Penyakit buah pinggang merupakan salah satu penyakit kronik yang menyumbang kepada peningkatan kadar kematian di seluruh dunia. Buku ini memberi fokus kepada kualiti hidup pesakit buah pinggang tahap akhir yang sedang menjalani rawatan dialisis. Buku ini mengupas beberapa aspek psikologi seperti persepsi terhadap penyakit, tekanan, kemurungan, sokongan sosial, strategi berdaya tindak dan bagaimana ia berhubung dan memberi pengaruh kepada kualiti hidup pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang. Sebahagian daripada penulisan buku ini adalah hasil daripada kajian terhadap pesakit yang menjalani rawatan dialisis di Malaysia. Buku ini sesuai dijadikan panduan untuk memahami pesakit terutama dari aspek psikologi untuk mengoptimumkan fungsi hidup seharian dan mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh mereka.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Memperkasa peranan teknodaie: cabaran dalam pembangunan dan penggunaan ICT
Kuala Lumpur : Penerbit IKIM, 2015. 146ms.
ISBN 978-983-2636-69-4

Teknodaie secara mudahnya ialah golongan pendakwah yang menggunakan teknologi bagi tujuan penyampaian dakwah Islam. Ahlinya terdiri daripada orang yang mempunyai pengetahuan dalam bidang agama sebagai *content provider* dan orang yang mempunyai pengetahuan dalam bidang teknikal sebagai *technology enabler*. Kupasan dalam buku ini adalah mengenai memperkasakan peranan teknodaie serta cabaran dalam pembangunan dan penggunaan ICT. Berbagai-bagai topik yang menarik telah dikupas secara ilmiah yang sesuai untuk dibaca oleh setiap lapisan masyarakat terutama yang melibatkan penggunaan teknologi ICT dalam menyampaikan mesej Islam. Buku ini juga memberikan penumpuan kepada beberapa aspek berkaitan peluang yang disampaikan oleh ICT dalam menyampaikan dakwah, dan mengetengahkan beberapa cabaran yang perlu disedari dan ditangani oleh para teknodaie.

SINOPSIS BUKU




Suppiah Nachiappan
Panduan pendidikan awal kanak-kanak : teori, model, kaedah dan aktiviti ke arah perkembangan kognisi

Tanjong Malim, Perak :
Penerbit Universiti
Pendidikan Sultan Idris,
2014. 211ms.
ISBN 978-967-0480-48-0

Buku ini menjelaskan secara terperinci mengenai perkara yang berkaitan dengan kognisi. Kajian yang menyeluruh berkaitan dengan kognisi telah dijalankan oleh penulis bagi berkongsi pengetahuan mengenai kanak-kanak dan perkembangan kognisi atau keintelektualan kanak-kanak. Menurut buku ini psikologi kognisi boleh dikategorikan sebagai ‘minda sedar’ kerana ia berkaitan otak dan minda yang mampu menyimpan, mengubah, menggunakan dan berinteraksi antara individu dan maklumat. Justeru itu proses penyampaian informasi dalam kalangan kanak-kanak memerlukan variasi kaedah dan aktiviti penyampaian daripada guru yang berkaliber yang mampu memberi kesan dalam proses mengaplikasi model-model kognisi tertentu dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Mohammad Subki Abdul Rahman, Marina Mohd Noor,
Muhammad Iyadh Toto Anshari & Rabiatul Adawiyah Saadon

Panduan solat : pesakit & OKU

Shah Alam : PSN
Publications, 2014. 171ms.
ISBN 978-967-0573-23-6

Buku ini menggarap pelbagai permasalahan pesakit dan OKU yang merangkumi kaedah berwuduk bagi pesakit, cara bertayamum dan panduan solat pesakit. Buku ini dimulakan dengan pengertian wuduk dan bahagian terakhir dengan doa ikhtiar penyembuhan penyakit. Isi kandungannya dipersembahkan dalam bentuk bergambar dan santai. Selain itu, buku ini juga mengandungi cara solat pesakit daripada takbir, qiam, rukuk, iktidal, sujud, tahiyyat, dan memberi salam. Seterusnya maklumat dihuraikan dan dikukuhkan dengan dalil al-Quran dan hadis untuk tujuan rujukan dan bimbingan. Dengan adanya ilmu tentang solat dan cara menunaikannya akan dapat mengelakkan manusia daripada meninggalkan solat dengan sengaja.

SINOPSIS BUKU




Farid M. Onn
Saya dan fonologi bahasa Melayu : mendekati tatabahasa sejagat
Bangi, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014. 208ms.
ISBN 978-967-412-231-7

Sebarang usaha untuk mempelajari ilmu linguistik sesuatu bahasa tidak akan dianggap lengkap sekiranya tidak dipelajari juga ilmu yang bersangkutan dengan bunyi bahasanya, iaitu ilmu yang dipanggil sebagai fonetik dan fonologi. Ilmu fonetik ialah ilmu yang membicarakan bunyi bahasa umumnya dari segi pengeluarannya atau penghasilannya, manakala fonologi pula yang membicarakan sistemnya. Buku ini membicarakan peraturan atau sistem bunyi (fonologi) bahasa Melayu mengikut kerangka analisis fonologi ala-Transformasi Generatif (TG). Dua proses utama yang dibincangkan ialah kejadian penyengauan vokal dan kejadian yang dikaitkan dengan proses fungsional seperti yang berlaku dalam fonologi dialek Melayu Kelantan. Buku ini merupakan sumbangan kepada sumber rujukan penting bagi mereka yang mengkaji sistem bunyi bahasa Melayu.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Sedikit amalan besar pahala

Rawang, Selangor : Pustaka Ilmuwan, 2014. 274ms.
ISBN 978-967-0634-03-6

Kejayaan seseorang bukan hanya dipandang dari banyaknya harta kekayaan tetapi kejayaan yang sebenarnya adalah mendapat kemuliaan disisi Allah S.W.T. Kemuliaan kepada hambanya boleh diperolehi dengan melakukan kebaikan yang kecil tetapi boleh menempatkan seseorang di dalam syurga. Salah satu kisah yang boleh dipetik dari buku ini ialah kisah Abu Dawud yang dijanjikan syurga Allah kerana memberi minum kepada seseorang yang kehausan. Melakukan perkara yang sunnah akan beroleh pahala merupakan anugerah Allah S.W.T bagi sesiapa sahaja yang melakukan kebaikan. Apatah lagi perkara yang wajib, sudah pastinya tinggi ganjarannya. Penulis turut menyelitkan kisah-kisah menarik yang menjadikan buku ini tidak membosankan dan menjemukan. Memiliki buku ini tidak akan merugikan pembaca sama ada dari sudut wang ringgit atau masa.


SINOPSIS BUKU



H.M. Amrin Rauf & Rizem Aizid
Solat tahajjud atasi masalah kewanganmu
Batu Caves, Selangor : Al-Hidayah House of Publishers, 2014. 182ms.
ISBN 978-967-439-150-8

Hidup sebagai orang kaya dan bahagia sudah tentu menjadi impian bagi setiap orang. Kaya dan bahagia adalah dua konsep kehidupan yang ideal yang dilengkapi segala keperluan hidup baik dari segi zahir atau batin. Kekayaan dan kebahagiaan adalah sebahagian daripada rezeki yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. untuk kita. Salah satu jalan untuk menjemput kekayaan dan kebahagiaan adalah dengan menunaikan solat malam (Tahajjud). Dalam sudut pandangan Islam, solat Tahajjud terbukti memberi kesan murah rezeki (harta) dan kebahagiaan. Selain dibuka pintu rezeki, solat Tahajjud juga dapat membuatkan jiwa dan fikiran kita menjadi tenang sehingga dapat melakukan kerja dengan rajin dan bersungguh. Ini bermakna kita telah berikhtiar untuk menjemput rezeki yang telah ditetapkan Allah S.W.T. Kita perlu menunaikan solat Tahajjud dengan penuh khusyuk, ikhlas dan istiqamah serta sentiasa berserah dan berdoa kepada Allah S.W.T. Waktu yang afdal melakukan solat ini pada waktu seperti malam kerana waktu tersebut sunyi dan membuatkan kita lebih dekat kepada-Nya.

SINOPSIS BUKU



Cendawan merupakan sejenis tanaman unik dan merupakan agen pensporan kulat yang digunakan sebagai produk komersial. Cendawan didapati berkhasiat serta berpotensi dalam membantu meningkatkan tahap kesihatan tubuh badan manusia. Buku ini ditulis bertujuan untuk membantu, membimbing dan memberi tunjuk ajar asas tentang cendawan. Pelbagai topik berkaitan penanaman cendawan dibincangkan dalam buku ini iaitu tentang hala tuju, permasalahan dan cabaran yang wujud dalam industri penanaman cendawan. Buku ini sesuai dijadikan sebagai panduan dan motivasi kepada usahawan yang baru serta pembaca yang ingin menceburi bidang keusahawanan penanaman cendawan.

Nasnan Jajuli
Tanaman cendawan
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka. 2015.
146 ms.
ISBN 978-983-46-1454-6


SINOPSIS BUKU



Melati Sumari, Norfaezah
Md Khalid & Norsafatul
Aznin A. Razak
**Teori dan amalan
kaunseling kerjaya**
Kuala Lumpur : Penerbit
Universiti Malaya, 2015.
179ms.
ISBN 978-983-100-777-8

Perkhidmatan kaunseling di Malaysia telah mendapat tempat akan kepentingannya dan penerbitan buku ini merupakan salah satu medium untuk memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kerjaya kaunseling. Buku ini memberi panduan kepada para kaunselor untuk membuat pilihan yang memerlukan adaptasi dalam perkembangan kerjaya. Persoalan mengenai kepentingan perkhidmatan kaunseling kerjaya turut menjadi topik yang dibincangkan dalam buku ini oleh penulis. Pelbagai penjelasan berdasarkan pelbagai teori yang dimuatkan dalam buku ini boleh dijadikan rujukan kepada para kaunselor dalam melaksanakan tugas supaya lebih mantap dan berjaya. Kepelbagai teori yang dikongsikan oleh penulis dalam buku ini turut memberi pendedahan kepada umum bahawa kaunseling kerjaya boleh memberi impak yang besar kepada seseorang pekerja. Buku ini sesuai dimiliki oleh para pelajar, pengamal kaunseling dan pihak-pihak yang berkaitan tentang teori dalam kaunseling kerjaya.


SINOPSIS BUKU



Mat Rofa Ismail
Ulul Albab ajaibnya alam semesta : satu kajian Ulul Albab yang membongkar setiap fenomena adalah bukti keagungan ciptaan Illahi
Batu Caves, Selangor : Must Read, 2014. 363ms.
ISBN 978-967-0392-73-8

Ulul albab ialah golongan yang mengambil iktibar tentang keagungan llahi dengan merenungi kejadian di langit dan bumi yang penuh keajaiban. Fenomena harian yang dapat dilihat di sekeliling seperti langit, bumi, manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan dengan sistem yang teratur pastinya dikawal oleh Pentadbir yang Maha Agung. Penulis mengajak para pembaca untuk merenungi secara mendalam akan setiap peristiwa yang dipaparkan, bermula dengan kejadian bintang, edaran hariannya serta pengakhiran yang akan berlaku berdasarkan wahyu llahi dan pandangan para ilmuan dan saintis. Terdapat pelbagai persoalan yang menarik yang dibincangkan dalam buku ini misalnya mengapa pusingan tawaf di sekeliling Kaabah berlawanan dengan arah pusingan jam dan sebagainya lagi. Buku ini pasti akan membuka minda pembaca untuk menghayati setiap kejadian dan keagungan ciptaan llahi.

SINOPSIS BUKU




Variasi bahasa

Bangi, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014. 190ms.
ISBN 978-967-412-199-0

Bahasa bervariasi apabila digunakan oleh penutur atau penulis untuk sasaran atau pembaca berbeza-beza, sama ada dari segi gender, latar sosioekonomi, etnik, dan geografi. Sesuatu bahasa boleh bervariasi dari unsur yang paling kecil, seperti bunyi, sebutan dan aksen hingga pada unsur yang lebih besar seperti leksikal, istilah, nahu, laras, genre, jenis teks, wacana dan seumpamanya. Bahasa bebas variasi kerana faktor kelainan geografi, sosial, konteks dan masa serta mewujudkan variasi bahasa yang dinamakan dialek geografi. Buku ini turut menekankan pemikiran bahawa variasi adalah ciri fundamental mana-mana bahasa manusia di dunia. Selain itu ia dapat mencetuskan pengetahuan dan idea baharu dalam pemerihalan dan penjelasan bahasa daripada perspektif variasi yang memfokus dialek. Memahami dengan lebih mendalam dan holistik soal bahasa serta potensinya, terutama daripada perspektif variasinya membuatkan kita mengenal dan dalam masa yang sama mengenalpasti diri serta menghargai apa yang kita ada dan menghormati milikan orang lain.

SINOPSIS BUKU



Wanita dan isu-isu kontemporari
Pulau Pinang : Pusat Pengajian Jarak Jauh,
Universiti Sains Malaysia,
2014. 194ms.
ISBN 978-967-394-185-8

Wanita kini berpeluang untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah bersama-sama kaum lelaki dalam pelbagai bidang. Peranan wanita bukan lagi hanya sebagai pembantu di belakang tabir tetapi sebagai penggerak utama dalam membantu memperkasa kehidupan masyarakat dan menyumbang kepada idea transformasi negara. Namun begitu, wanita tetap menghadapi pelbagai cabaran dan kesukaran dalam kehidupan harian mereka. Hal ini selaras dengan tanggungjawab seorang wanita yang pada masa kini bukan saja memikul tanggungjawab sebagai seorang pemimpin masyarakat atau sesebuah organisasi, tetapi mereka juga terpaksa memikul pelbagai peranan lain termasuk sebagai seorang anak, kakak, isteri dan ibu. Pemerkasaan golongan wanita merupakan agenda penting yang dapat membantu meningkatkan taraf serta kualiti kehidupan wanita agar mereka mendapat penghargaan yang sewajarnya dalam masyarakat.

SINOPSIS BUKU



Rosli Zakaria, Baharim Samuri & Kamarudin Ab Razak
X-plorasi seni Sungai Johor : satu catatan
Johor Bahru, Johor :
Yayasan Warisan Johor,
2014. 184ms.
ISBN 987-983-2440-51-2

X-Plorasi Seni Sungai Johor Satu Catatan merupakan sebuah karya hasil projek yang dilaksanakan oleh Yayasan Warisan Johor dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Buku ini dipersembahkan secara santai dan bersifat semi akademik serta bahasa yang digunakan mudah difahami. Ianya mengandungi catatan-catatan pengarang sebelum, semasa dan selepas projek berlangsung serta dimuatkan dengan pelbagai gambar yang bersesuaian dengan jalan cerita di samping nota, tip-tip serta maklumat-maklumat yang boleh membantu pembaca untuk memahami perihal karya seni dalam konteks sejarah. Buku ini sesuai dijadikan bahan tambahan bagi pelajar di peringkat sekolah, institut pengajian tinggi serta pembaca umum yang berminat dengan seni visual, malahan secara tak langsung akan turut mendapat maklumat tentang sejarah Kesultanan Johor.